

Tarik minat pengeluar OEM melabur di negara ini

## RMK-12: Pertimbang insentif pacu pengeluaran kenderaan elektrik

Oleh NURFARAHIN HUSSIN  
farahin.hussin@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) perlu mempertimbangkan pemberian insentif untuk kenderaan elek-

ktrik (EV) agar dapat menarik minat pengeluar peralatan tulen (OEM) melabur dalam industri tersebut di negara ini, sekali gus membantu melonjakkan sektor automotif negara.

Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA), Datuk Aishah Ahmad berkata, inisiatif itu penting bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan daripada memperoleh pelaburan EV seperti ne-

gara ASEAN lain antaranya Thailand, Indonesia dan Singapura.

"Pelaburan berkualiti tinggi ini amat penting dalam memastikan sektor automotif negara tidak ketinggalan dalam proses pemuliharan daripada pandemik Covid-19. Justeru, kerajaan perlu mengambil langkah yang tepat supaya kita tidak 'terlepas' pelaburan berkualiti tinggi yang membantu ekonomi negara.

"Selain itu, kerajaan perlu memastikan polisi industri automotif negara dalam RMK-12 nantinya adalah untuk jangka masa panjang bagi menarik pelabur industri dari luar negara. Jika tempohnya hanya jangka pendek, kemungkinan akan memparahu keputusan mereka untuk melabur di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Sebelum ini, Petronas Lubricants International (PLI) memaklumkan pasaran automotif menyaksikan peningkatan jualan kenderaan elektrik (EV), EV bateri dan EV hibrid 'plug-in' yang cukuh walaupun permintaan terhadap kenderaan susut berikutan pandemik Covid-19.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelumnya dilaporkan berkata, pelaburan berimpak tinggi akan turut ditumpu kepada sektor-sektor baharu yang selari matlamat alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) termasuk industri halal, automotif dan ekonomi

digital.

RMK-12 dijangka dibentangkan di Parlimen hari ini manakan pada Bajet 2022 dijadualkan pada 29 Oktober depan.

Ditanya mengenai harapan Bajet 2022 bagi membantu pemulihran industri automotif, Aishah mencadangkan cukai kenderaan penumpang diturunkan agar rakyat yang sebahagian besar nyata terjejas akibat Covid-19 lebih mampu melakukan pembelian.

Ujarnya, MAA juga berharap cukai jualan ke atas kenderaan penumpang yang akan tamat menjelang akhir tahun ini dilanjutkan lagi bagi melonjakkan jualan industri.

"Sedikit kelonggaran ini amat penting untuk kami kembali pulih setelah keseluruhan rantauan bekalan dalam sektor automotif terjejas teruk susulan penutupan penuh operasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Diperketat (PKPD) terdahulu.

"Sebelum ini, operasi perniagaan di dalam kawasan PKPD terutama di beberapa daerah di Selangor dan Kuala Lumpur terkesan ekoran gangguan rantauan bekalan kerana tidak boleh beroperasi," jelasnya.



KEMUDAHAN mengecas kenderaan elektrik antara perkara yang perlu diberi tumpuan untuk memacu sektor berkenaan. - GAMBAR HIASAN